



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) KPKT 2021
IKTIRAF PEGAWAI BERPRESTASI CEMERLANG**



Pada 24 Mac 2022– Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada 699 orang penerima bersempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada hari ini.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT. APC 2021 ini adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada keseluruhan 1,422 orang pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang di peringkat bahagian/ jabatan dan agensi KPKT di sepanjang tahun 2021.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "Buat julung kalinya, majlis ini diadakan bersama dengan agensi-agensi di bawah KPKT bagi menzahirkan kerja berpasukan dan keluarga besar KPKT". Tambah beliau, Majlis APC ini diharapkan akan terus menyuntik semangat dan keupayaan warga kerja KPKT untuk sentiasa berusaha dengan lebih efisien dan proaktif sebagai peneraju perubahan dan sebagai penggerak utama ke arah kecemerlangan perkhidmatan awam dalam mendokong gagasan Malaysia Berdaya Huni.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat